

D811

R B803 BAH  
MAHATHIR - CACA MARBA

KUALA LUMPUR, 12 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN KEADAAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEBAGAI +CACA MARBA+ DALAM MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM.

KATANYA, BARISAN PEMBANGKANG JUGA SEPERTI +ROJAK+ KERANA MEMPUNYAI BERMACAM-MACAM MANIFESTO -- TIDAK SEBAGAIMANA BARISAN NASIONAL (BN) YANG MENGELUARKAN SATU MANIFESTO SAHAJA.

+KITA YAKIN MENANG SEKURANG-KURANGNYA DUA PERTIGA DARIPADA SEMUA KERUSI PARLIMEN KERANA NAMPAKNYA KITA LAWAN DENGAN PARTI CACA MARBA...PARTI ROJAK,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGUMUMKAN MANIFESTO PILIHAN RAYA BN, YANG BERTEMAKAN +KE ARAH KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN MALAYSIA+, DI SINI.

MENURUT KAMUS DEWAN, +CACA MARBA+ BERMAKSUD BERCAKUP ADUK DAN BERBAUR.

SEMANGAT 46, DAP, PARTI RAKYAT MALAYSIA (PRM), BARISAN KEMAJUAN INDIA SE-MALAYSIA (IPF) DAN PARTI SETIAKAWAN MALAYSIA (MSP) MEMBENTUK PAKATAN YANG MEREKA NAMAKAN +GAGASAN RAKYAT+ DUA HARI LEPAS -- SEHARI SEBELUM HARI PENAMAAN CALON.

SEBELUM ITU, SEMANGAT 46 SUDAH PUN MENGADAKAN PAKATAN BERASINGAN DENGAN PAS, HAMIM DAN BERJASA, YANG DINAMAKAN +ANGKATAN PERPADUAN UMMAH+ (ANGKATAN). -- LAGI

1421MST 12 10 90

D812

R B804 BAH  
MAHATHIR - CACA MARBA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG JUGA NAMPAKNYA TIDAK TENTU ARAH DALAM MELETAKKAN CALON KERANA ADA YANG BERTANDING DENGAN TIDAK MENGGUNAKAN LAMBANG PARTI SENDIRI.

BELIAU MEMBERIKAN CONTOH ADANYA BEKAS ANGGOTA PAS YANG MENYERTAI HAMIM TETAPI BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL SEMANGAT 46 MANAKALA CALON-CALON IPF JUGA MENGGUNAKAN SIMBOL SEMANGAT 46 DI SESETEGAH TEMPAT DAN LAMBANG DAP DI BEBERAPA TEMPAT LAIN.

PRESIDEN MIC, DATUK SERI S. SAMY VELLU, YANG DITEMUI SELEPAS MAJLIS ITU BERKATA, IPF BUKAN SAHAJA MENGGUNAKAN DUA LAMBANG TETAPI PARA PEMIMPINNYA TIDAK TETAP PENDIRIAN KERANA TIDAK MEMPUNYAI DASAR DAN OBJEKTIF SENDIRI DALAM MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

+PERDANA MENTERI KATA PARTI-PARTI PEMBANGKANG ADALAH BARISAN ROJAK TETAPI SAYA SUKA MENAMBAH SIKIT...ITU BARISAN ROJAK TANPA KUAH,+ KATANYA.

+KUAH ADALAH KANDUNGAN YANG LEBIH MUSTAHAK UNTUK LAZATKAN ROJAK TETAPI MEREKA HANYA ADA SAYUR, TIDAK ADA KUAH.

+ITU SAYURPUN +CONTAMINATED+ (CEMAR),+ KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK MEMPUNYAI DASAR YANG BOLEH MEREKA GUNAKAN BERSAMA UNTUK MEYAKINKAN RAKYAT. -- BERNAMA

1424MST 12 10 90